

No. Rujukan : PBBPP.UKK.100-2/1/1(96)
Tarikh : 21 Ogos 2023

**KENYATAAN MEDIA BERSAMA
PERBADANAN BUKIT BENDERA PULAU PINANG
DAN POS MALAYSIA BERHAD**

**SETEM KENANG-KENANGAN SERTA SAMPUL SURAT HARI
PERTAMA SEMPENA SAMBUTAN ULANG TAHUN KE-100
FUNIKULAR BUKIT BENDERA**

Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP) dengan kerjasama Pos Malaysia Berhad (Pos Malaysia) melancarkan Setem Kenang-Kenangan serta Sampul Surat Hari Pertama sempena Sambutan Ulang Tahun ke-100 Funikular Bukit Bendera. Setem kenang-kenangan serta Sampul Surat Hari Pertama ini boleh didapati secara online dan juga di pejabat-pejabat pos terpilih di seluruh Malaysia mulai **22 Ogos 2023 (Selasa)** dengan kadar harga **RM64.20 bagi setiap satu set lengkap**.

Pelancaran setem kenang-kenangan ini merupakan salah satu projek utama yang telah dirancang sempena Sambutan Ulang Tahun ke-100 Funikular Bukit Bendera. Funikular Bukit Bendera Pulau Pinang mula beroperasi pada 21 Oktober 1923 dan telah membawa lebih 47 juta pengunjung, termasuk pelancong dari dalam dan luar negara, penduduk dan masyarakat tempatan ke Bukit Bendera. Funikular Bukit Bendera adalah satu-satunya seumpamanya di Malaysia dan Asia Tenggara.

Sambutan Ulang Tahun ke-100 adalah bertujuan untuk memupuk minat baharu berkenaan sejarah Funikular Bukit Bendera dan menjadi cerminan transformasi Bukit Bendera sepanjang abad yang lalu. Funikular Bukit Bendera bukan sahaja merupakan warisan ikonik Pulau Pinang tetapi ia juga warisan negara yang perlu dipelihara.

Mengimbuai sejarah satu abad yang lalu, funikular kayu Generasi Pertama membawa penumpang dari tahun 1923 sehingga tahun 1977 manakala funikular merah dan putih Generasi Kedua pada tahun 1977 sehingga tahun 2010. Kedua-dua generasi ini menggunakan landasan yang sama manakala Funikular Generasi Ketiga menggunakan landasan yang telah ditambahbaik serta berkapasiti hampir 100 penumpang dalam satu-satu masa dengan mengambil masa sekitar 5 minit untuk sampai ke puncak Bukit Bendera. Funikular Generasi Ketiga mula beroperasi pada tahun 2011 sehingga kini.

PBBPP dan Pos Malaysia bertungkus lumus dalam menghasilkan rekabentuk setem ini bagi memastikan semua elemen berkaitan Funikular Bukit Bendera dimasukkan ke dalam setiap rekabentuk. Setem-setem tersebut memaparkan tiga (3) generasi Funikular Bukit Bendera.

Antara item-item yang di boleh diperolehi di pejabat-pejabat pos terpilih seluruh Malaysia adalah seperti berikut :

Lembaran Setem Generasi Pertama	: RM6.00 (RM0.30 x 20 setem)
Lembaran Setem Generasi Kedua	: RM12.00 (RM0.60 x 20 setem)
Lembaran Setem Generasi Ketiga	: RM26.00 (RM1.30 x 20 setem)
Sampul Surat Hari Pertama beserta Setem	: RM2.70
Sampul Surat Hari Pertama beserta Lembaran Mini	: RM5.50
Lembaran Mini	: RM5.00
Poskad	: RM1.00
Folder	: RM6.00

PBBPP mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Pos Malaysia kerana membantu memudahkan proses awal sehingga ianya berjaya menjadi realiti. Ia akan menjadi bahan kenang-kenangan serta sejarah bagi generasi akan datang.

Jangan lepaskan peluang untuk mendapatkan keluaran khas yang terhad ini bermula 22 Ogos 2023!

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi PBBPP di talian 04-8288880 atau emel ke inquiries@penanghill.gov.my

#TAMAT#

Mengenai Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP)

Perbadanan Bukit Bendera telah ditubuhkan pada tahun 2009 melalui enakmen yang telah dipersetujui melalui persidangan Dewan Undangan Negeri. Tujuan utama penubuhan Perbadanan Bukit Bendera adalah untuk menguruskan perkhidmatan funikular, memulihara dan membangunkan Bukit Bendera sebagai destinasi eko-pelancongan utama dan visinya adalah menjadikan Bukit Bendera sebagai destinasi bukit peranginan terunggul di Malaysia dan di rantau ini

Mengenai Pos Malaysia Berhad (Pos Malaysia)

Pos Malaysia ialah penyedia perkhidmatan pos dan bungkusan nasional, dan pemegang lesen tunggal untuk perkhidmatan pos sejagat di Malaysia. Dengan sejarah lebih 200 tahun, Pos Malaysia telah berkembang daripada hanya menyediakan perkhidmatan penghantaran mel dan bungkusan tradisional kepada penawaran produk serta perkhidmatan runcit, logistik dan penerbangan. Pos Malaysia juga telah beralih daripada syarikat mel yang menghantar bungkusan kepada syarikat penghantaran bungkusan yang turut menghantar mel.

Pos Malaysia mempunyai capaian jarak jauh yang paling luas, menghantar kepada lebih daripada 11 juta alamat di seluruh negara. Pos Malaysia turut menyediakan rangkaian runcit yang paling komprehensif melalui lebih daripada 3,800 titik sentuh di seluruh negara.

Pos Malaysia adalah hak milik majoriti syarikat konglomerat DRB-HICOM Berhad.

Unit Komunikasi Korporat

Lim Woan May
Penang Hill Corporation
Tel: 04-828 8880
wlim@penanghill.gov.my

Ahmad Aizat Bin Khalid
Penang Hill Corporation
Tel: 04-828 8880
aizat@penanghill.gov.my

Vivien Loo
Penang Hill Corporation
Tel: 04-828 8880
vivienloo@penanghill.gov.my

Tan Lee Ling
Penang Hill Corporation
Tel: 04-828 8880
ltan@penanghill.gov.my